

01 AUG 2003

Muhyiddin-Umno/I

HAD UMUR: PEMIMPIN PEMUDA DAN PUTERI UMNO DIBENAR PEGANG JAWATAN

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Pemimpin bahagian bagi Pemuda dan Puteri Umno dibenarkan memegang jawatan dalam jawatankuasa penaja pergerakan berkenaan walaupun melepasi had umur 40 tahun untuk Pemuda dan 35 tahun bagi Puteri.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata keputusan tersebut dibuat pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

"Keputusan yang dibuat untuk jawatankuasa penaja hanyalah peralihan sehingga pemilihan parti tahun depan...sementara itu pemimpin bahagian Pemuda dan Puteri boleh mengekalkan jawatan masing-masing walaupun sekiranya mereka melepasi had umur yang dibenarkan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pasar raya Carrefour di Cheras di sini hari ini.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan bahawa parti itu akan membubarkan semua 165 bahagian Umno, pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri serta meletakkannya di bawah jawatankuasa penaja.

Selain itu, jawatankuasa penaja bahagian dan ketiga-tiga sayap Umno itu akan ditubuhkan serentak dengan penubuhan jawatankuasa penaja di 25 bahagian baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Abdullah juga berkata anggota jawatankuasa penaja boleh dilantik daripada anggota jawatankuasa sedia ada atau digantikan dengan muka baru, yang akan bertanggungjawab sehingga pemilihan parti tahun depan.

Pada Jun lepas, Dewan Rakyat meluluskan Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) diikuti oleh Dewan Negara pada Julai yang menyaksikan pertambahan 25 kerusi baru Parlimen, menjadikan kesemuanya berjumlah 219 daripada 194 sebelum ini.

Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, berkata langkah membenarkan pemimpin bahagian Pemuda dan Puteri memegang jawatan ialah bagi membolehkan mereka menjalankan tugas sehingga tahun depan.

"Majlis Tertinggi membenarkan mereka memegang jawatan kerana kami tidak mahu ketidaksinambungan dalam pengurusan beberapa bahagian Pemuda dan Puteri. Adalah penting untuk kita cuba mengekalkannya terutamanya apabila pilihan raya umum semakin hampir," katanya.

Beliau juga berkata proses penubuhan jawatankuasa penaja di peringkat bahagian akan diselesaikan sebelum hujung bulan ini.

-- BERNAMA

SR AZZ DC ROS